

SUARA MITASA

WADAH KOMUNIKASI
WARGA AKADEMIK

*Menyatukan Aspirasi,
Memperkasa Warga*

DEWAN ACONG
TUANKU CANSELOR

**MESYUARAT EXCO
MITASA BIL. 1 SESI
2025 - 2028**

**MESYUARAT
AGUNG LUAR
BIASA 2026:
MEMPERKUKUH
PERLEMBAGAAN
MITASA**

**MITASA BERJAYA
TERBITKAN JURNAL
AKADEMIK PERTAMA!**

**PROMOSI KEAHLIAN
KESATUAN KAKITANGAN
AKADEMIK UiTM
(MITASA) SESI 2025 -
2028**

**MITASA DAN AHLI
BERPISAH TIADA**

PERBINCANGAN STRATEGIK MITASA DAN PEJABAT PENDAFTAR PERKASA SUARA AHLI

Bagi membincang dengan lebih lanjut mengenai beberapa perkara yang melibatkan pengurusan, Kesatuan Kakitangan Akademik UiTM (MITASA) telah mengadakan kunjungan hormat ke Pejabat Pendaftar pada 8 Januari 2026.

MITASA diketuai oleh **Presiden, Encik Mohd Amirul Akhbar Mohd Zulkifli** dan turut diiringi oleh ialah **Bendahari MITASA, Dr Mohd Firdaus Ahmad** dan **EXCO MITASA, Dr Ahmad Muhyiddin Yusof, Prof Madya Dr Saiful Aman Sulaiman dan Puan Haliza Ab Ghani**. Pertemuan dua jam tersebut disambut oleh **Yang Menjalankan Tugas Pendaftar, Encik Nor Amiruddin Mokhtaruddin**.

Pelbagai perkara dibincangkan bersama kedua-dua pihak melibatkan isu-isu yang dibangkitkan pensyarah UiTM yang juga ahli MITASA iaitu seperti isu pecah kontrak, permohonan pertukaran, perjawatan dan sebagainya. Banyak pencerahan yang diterima dan MITASA berharap pertemuan tersebut menjadi titik permulaan kepada satu hubungan yang lebih konsisten selepas ini.



**“It’s the
U and I
in UNION
that makes
us
STRONG”**

DEWAN ACONG
TUANKU CANSELOR